

TARIKH : 30 DISEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

## Kenaikan tarif elektrik bebbankan industri

# Kenaikan tarif elektrik bebbankan industri

Ia menyumbang kepada peningkatan kos operasi dan dirasai semua pengeluar

KUALA LUMPUR

**P**engeluar-pengeluar komponen automotif memohon kerajaan untuk menagguhkan pelaksanaan mengejut tarif elektrik sebanyak 566 peratus kepada 20 sen dan 27.7 sen/kWh pada 1 Januari 2023 daripada kadar 3 sen/kWh sekarang.

Presiden Persatuan Pembekal Perodua (P2SA), Helmi Sheikh Mahmood menjelaskan, peningkatan ini akan memberi impak mendalam kepada seluruh industri di negara ini, besar ataupun kecil kerana kesannya akan dirasai oleh semua.

Helmi berkata demikian, dalam satu kenyataan bersama bagi pihak Persatuan Vendor Proton (PVA), Kelab Pembekal Toyota (TSC), Kelab Pembekal Honda Malaysia (HMSC) dan Persatuan Pembuat Alat Komponen Kereta (MACPMA).

Jelas beliau, pengeluar-pengeluar komponen automotif tempatan memahami objektif kerajaan untuk menghapuskan subsidi



Kenaikan tarif dan peningkatan gaji pekerja amat membebbankan dan kos berkenaan mungkin terpaksa dipindahkan kepada para pelanggan.



HELMI

kepada industri yang menggunakan voltan sederhana dan voltan tinggi demi mengurangkan impak kos akibat peningkatan harga arang kepada sektor tenaga negara.

"Walaupun begitu, kesan tarif yang bakal diperkenalkan dan impak pindaan Akta Pekerja 1955 (Pindaan 2022) terlalu berat untuk kami pi-

kul," kata Helmi dalam kenyataan bersama, pada Khamis.

Beliau berkata, pindaan akta itu memberi kesan tinggi kepada kos operasi industri ini dan meningkatkan tahap gaji minimum sebanyak 25 peratus kepada RM1,500 daripada RM1,200 sebelum ini serta menurunkan jumlah bekerja kepada 45 jam seminggu daripada 48 jam sebelum

ini, mengakibatkan peningkatan kos lebih masa.

"Kedua-dua faktor ini (peningkatan tarif dan pindaan Akta Pekerja 1955 (Pindaan 2022)) kos ini tidak dapat diserapkan oleh ahli-ahli kami dan kami akan terpaksa menurunkan peningkatan kos ini kepada para pelanggan.

"Ini akan memberi kesan yang negatif kepada industri automotif kerana ia akan meningkatkan harga kenderaan secara mendadak.

"Kami juga ingin berbakti demi negara dan kami memohon pihak kerajaan untuk menagguhkan pelaksanaan kenaikan tarif elektrik serta bekerjasama dengan kami demi memastikan sebarang perubahan polisi, undang-undang, insentif, tarif atau/dan inisiatif lain akan memberikan kesan yang diingini," katanya. - *Bernama*